

PM yakin projek di Langkawi berjalan seperti dirancang

Oleh NAZARUDIN SHAHARI

UM 23 JUN 2003

LANGKAWI 22 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin projek-projek pembangunan di pulau ini akan berjalan dengan baik seperti yang dirancang walaupun selepas beliau bersara daripada kerajaan Oktober ini.

Perdana Menteri berkata, beliau juga yakin penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memberikan tumpuan kepada pembangunan di Langkawi yang terkenal sebagai pusat pelancongan bertaraf antarabangsa.

Katanya, tumpuan bukan sahaja akan diberikan kepada pulau perangan itu malah perhatian juga akan diberikan kepada projek-projek pembangunan di seluruh negara seperti Pulau Tioman yang juga menikmati taraf sebagai pulau bebas cukai seperti Langkawi.

“Insya-Allah (pengganti saya) akan beri tumpuan kepada semua projek-projek.

“Saya bukan buat projek di Langkawi sahaja tapi (Pulau) Tioman dan tempat-tempat lain juga kita buat,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita sejurus sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab tanda tanya di kalangan penduduk pulau ini mengenai masa depan Langkawi selepas persaraan beliau daripada jawatan dalam kerajaan yang dijadualkan pada Oktober ini.

Langkawi dikatakan membangun dengan begitu pesat kerana perhatian yang diberikan oleh Perdana Menteri sehingga ia terkenal di merata dunia.

Dr. Mahathir berkata, beliau mengambil berat mengenai pembangunan di Langkawi kerana banyak potensi yang dimiliki oleh pulau berkenaan.

“Kalau tak ada potensi, saya tak datang juga,” ujarnya.

Beliau sebelum itu menghabiskan masa kira-kira tujuh jam untuk meninjau projek-projek pembangunan di sini.

Seawal pukul 8.45 pagi, beliau telah bertolak dari tempat penginap-

annya di Tok Senik Resort untuk meninjau kerja-kerja pembangunan projek Harbour Park bernilai RM40 juta di Pantai Kok yang mengandungi jeti, hotel, butik dan apartmen di kawasan seluas 12 hektar.

Beliau kemudiannya menyaksikan kemajuan pembinaan dua blok bangunan tambahan bernilai RM24 juta di Galeria Perdana dekat Kilim.

Dr. Mahathir tiba di sini malam tadi bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah sebaik saja selesai Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Kuala Lumpur.

“Saya (datang untuk) berehat di sini, releks sikit la,” katanya ketika ditanya tujuan lawatannya ke sini di sebalik jadual penuh yang diharungi oleh beliau sepanjang Perhimpunan Agung UMNO selama tiga hari, berakhir semalam.

Katanya, beliau tetap akan datang untuk melawat Langkawi meskipun selepas persaraannya sebagai Perdana Menteri.

“Saya nak berehat di Langkawi macam orang lain juga,” katanya.